

Headline	Tarif baru elektrik tidak bebankan pengguna		
MediaTitle	Sinar Harian	Color	Full Color
Date	08 Dec 2013	Circulation	160,000
Section	Mahkamah	Readership	509,000
Page No	8	ArticleSize	681 cm ²
Language	Malay	AdValue	RM 8,656
Journalist	N/A	PR Value	RM 25,967
Frequency	Daily		



Tarif baru elektrik tidak bebankan pengguna

Temubual Sinar Harian bersama Ybhg Dato' Haji Badaruddin Mahyudin, Timbalan Ketua Setiausaha (Tenaga), Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air berkaitan semakan semula tarif elektrik di Semenanjung Malaysia mulai 1 Januari 2014.

Apakah rasional bagi penyelarasan tarif ini?

Tarif elektrik perlu diselaraskan untuk menampung peningkatan kos pembekalan elektrik yang disebabkan peningkatan harga bahan api utama penjanaan elektrik iaitu gas (gas asli domestik dan gas cecair asli yang diimport), arang batu. Di samping itu, tarif asas Tenaga Nasional Berhad (TNB) juga perlu disemak semula.

Bilakah tarif elektrik baru berkuat kuasa?

Tarif elektrik baru akan berkuat kuasa pada 1 Januari 2014.

Berapakah penyelarasan tarif elektrik pada semakan tarif kali ini?

Kadar purata tarif elektrik di Semenanjung akan dinaikkan sebanyak 4.99 sen/kWj atau 14.89% daripada kadar purata semasa 33.54 sen/kWj kepada 38.53 sen/kWj yang melibatkan 4 komponen iaitu:

(i) kesan penyelarasan harga gas domestik daripada RM13.70/MMBtu kepada RM15.20/MMBtu ke atas tarif elektrik sebanyak 1.52% atau 0.51sen/kWj;

(ii) kesan penetapan harga gas asli cecair (Liquified Natural Gas - LNG) yang diimport pada harga RM41.68/MMBtu ke atas tarif elektrik sebanyak 10.17% atau 3.41 sen/kWj;

(iii) kesan penyelarasan harga arang batu daripada USD85/tan kepada USD87.5/tan ke atas tarif elektrik sebanyak 0.51% atau 0.17 sen/kWj; dan

(iv) semakan tarif asas Tenaga Nasional Berhad (TNB) iaitu kenaikan sebanyak 2.69% atau 0.90sen/kWj daripada kadar purata tarif semasa.

Selaras dengan penyelarasan semula kadar tarif elektrik bagi di Semenanjung, Kerajaan juga ber-setuju untuk menyelaras semula kadar sumbangan kepada Kumpulan Wang Tenaga Boleh Baharu (KWTBB) dengan kenaikan sebanyak 0.6%. Penyelarasan ini akan menjadikan jumlah kutipan daripada pengguna-pengguna elektrik meningkat daripada 1% kepada 1.6% berkuat kuasa mulai 1 Januari 2014. Kutipan sebanyak 1.6% ini

akan melibatkan semua pengguna elektrik kecuali pengguna domestik yang menggunakan kurang daripada 300kWj sebulan.

KESAN KENAIKAN HARGA BAHAN API KE ATAS TARIF ELEKTRIK

Berapa peratus daripada bekalan elektrik di Semenanjung Malaysia dibekalkan daripada loji-loji jana kuasa gas dan arang batu?

Bagi Semenanjung Malaysia, 94.8% daripada campuran bahan api adalah daripada sumber fosil iaitu gas sebanyak 51.5% dan arang batu sebanyak 43.3%. Bakinya adalah daripada sumber hidro sebanyak 4.2% dan Tenaga Boleh Baharu sebanyak 1%.

Apakah kadar peningkatan harga gas kepada sektor elektrik?

Harga gas domestik kepada sektor elektrik akan dinaikkan sebanyak RM1.50/MMBtu daripada RM13.70/MMBtu kepada RM15.20/MMBtu mulai 1 Januari 2014. Bekalan gas kepada TNB sehingga 1,000 mmscf/d akan dikenakan pada harga ini.

Manakala, bagi bekalan gas yang melebihi 1,000mmscf/d, PETRONAS telah mengimport gas asli cecair (LNG) melalui terminal penggasan semula (Regassification Gas Terminal) Sg. Udang, Melaka pada harga pasaran semasa, iaitu RM41.68/MMBtu.

Apakah kesan peningkatan harga gas kepada tarif elektrik?

Oleh kerana gas merupakan salah satu bahan api utama bagi penjanaan elektrik di negara ini, peningkatan harga gas kepada sektor elektrik secara langsung akan meningkatkan kos penjanaan elektrik. Atas dasar ini, Kerajaan bersetuju supaya setiap kali semakan harga gas kepada sektor elektrik dibuat, ia akan diikuti dengan semakan tarif elektrik.

Semakan harga gas asli domestik pada kali ini adalah sebanyak RM1.50/MMBtu daripada harga semasa iaitu RM13.70/mmBtu kepada RM15.20/MMBtu. Bekalan gas kepada TNB sehingga 1,000 mmscf/d akan dikenakan pada harga ini dan akan memberi kesan kepada tarif elektrik ke atas tarif elektrik sebanyak 0.51sen/kWj atau 1.52%.

Bagi memenuhi keperluan gas oleh sektor tenaga, PETRONAS telah menyediakan kemudahan mengimport gas asli cecair (LNG) melalui terminal penggasan semula (Regassification Gas Terminal) Sg. Udang, Melaka. Penggunaan gas oleh TNB

yang melebihi 1000mmscf/d akan dibekalkan daripada RGT Sungai Udang, Melaka pada harga pasaran. Kos penggunaan LNG merupakan komponen utama dalam peningkatan tarif elektrik iaitu sebanyak 3.41sen/kWj atau 10.17%.

Kenakah sebarang kenaikan harga bahan api perlu dilepaskan kepada TNB dan para pengguna sahaja? Kenakah pihak IPP tidak turut menanggung kesan kenaikan bahan api ini sedangkan mereka mendapat keuntungan yang banyak?

Pada masa sekarang sebarang kenaikan harga bahan api akan ditangguh sepenuhnya oleh TNB disebabkan elemen fuel cost pass-through yang terkandung dalam Power Purchase Agreement yang telah ditandatangani antara TNB dan IPP.

Adakah ini bermakna bahawa pihak IPP tidak menanggung sebarang kos bahan api?

Benar, semuanya ditanggung oleh TNB.

Tidakkah Kerajaan boleh berbuat sesuatu untuk mengubah terma fuel cost pass-through ini?

Kerajaan tidak boleh berbuat apa-apa kerana Power Purchase Agreement merupakan perjanjian yang ditandatangani secara komersial oleh TNB dan IPP.

SEMAKAN SEMULA TARIF ASAS TNB

Kenakah semakan semula tarif asas TNB perlu sedangkan TNB mencatat keuntungan?

Kali terakhir semakan semula tarif asas TNB dilaksanakan adalah pada Jun 2011. Keuntungan RM4.61 bilion yang diperoleh oleh TNB pada tahun kewangan yang berakhir pada 31 Ogos 2013 tidak mengambil kira kadar tukaran wang (forex translation). Keuntungan bersih sebelum kadar tukaran wang ialah RM4.12 bilion bagi tempoh 12 bulan berakhiri pada 31 Ogos 2013.

Memang tidak dinafikan bahawa pihak TNB telah mendapat keuntungan yang agak baik. Walau bagaimanapun, keuntungan ini tidak dapat menampung obligasi kewangan tahunan kerana pulangan TNB adalah lebih rendah daripada perbelanjaan modal.

Semakan semula tarif asas TNB ini bertujuan untuk membolehkannya mempertingkatkan pelaburan dalam penyediaan infrastruktur pembekalan

an elektrik yang lebih baik, termasuk pengukuhan infrastruktur sistem penghantaran dan pengagihan. Ini akan membolehkan TNB meningkatkan daya harap dan kualiti perkhidmatan sistem pembekalan elektrik. TNB juga diharap dapat menyediakan perkhidmatan pembekalan elektrik yang bertambah baik dan tempoh gangguan bekalan elektrik yang dialami pengguna di Semenanjung dapat dikurangkan dari semasa ke semasa.

Apakah langkah yang telah diambil oleh Kerajaan dalam memastikan pihak TNB mempertingkatkan kecekapan operasinya?

Bagi meningkatkan ketelusan dalam penetapan tarif elektrik, Kerajaan telah meluluskan pelaksanaan Kawal Selia Berinsentif atau Incentive-Based Regulation (IBR). Pelaksanaan IBR memastikan TNB beroperasi secara cekap dan mengekan caj yang kompetitif kepada pelanggan. Kecekapan ini dinilai dari masa ke masa melalui satu rangka kerja insentif yang berdasarkan ganjaran dan penalti.

IBR diperkenalkan oleh Suruhanjaya Tenaga (ST) pada tahun 2012 untuk memastikan sektor industri bekalan elektrik yang berterusan melalui pulangan yang telus dan adil yang menggalakkan kecekapan maksimum.

Pengukur Prestasi Utama yang ditetapkan ke atas TNB ialah pernurunan purata tempoh gangguan bekalan elektrik yang dialami oleh pengguna yang diukur melalui Indeks Purata Tempoh Gangguan Bekalan Elektrik (SAIDI) dan penambahaikan Tahap Perkhidmatan Pelanggan TNB.

Pelaksanaan IBR akan mendorong ke arah pencapaian kecekapan utiliti yang lebih baik tanpa menyebabkan penambahan kos ketara yang akhirnya mengakibatkan tarif elektrik yang tinggi kepada pengguna akhir. Di bawah mekanisme ini, hanya kos yang efisien diambil kira dalam penentuan tarif elektrik.

KESAN KENAIKAN TARIF KE ATAS PENGGUNA

Apakah kesan kenaikan tarif elektrik terhadap pelbagai kategori pengguna?

- (i) Purata tarif domestik akan dinaikkan daripada 28.63 sen/kWj kepada 31.66sen/kWj, iaitu penyelarasan sebanyak 1.21 sen/kWj (3.03%);
- (ii) Purata tarif komersial akan dinaikkan daripada 41.01 sen/kWj kepada 47.92 sen/kWj, iaitu penyelarasan se-

Headline	Tarif baru elektrik tidak bebankan pengguna		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	08 Dec 2013	Color	Full Color
Section	Mahkamah	Circulation	160,000
Page No	8	Readership	509,000
Language	Malay	ArticleSize	681 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 8,656
Frequency	Daily	PR Value	RM 25,967

banyak 6.91 sen/kWj (16.85%); dan (iii) Purata tarif industri pula dinaikkan daripada 30.94 sen/kWj kepada 36.15 sen/kWj, iaitu penyelarasan sebanyak 5.21 sen/kWj (16.85%).

Apakah kesan kenaikan tarif elektrik kepada pengguna domestik?

- i. penggunaan elektrik antara 1kWj sehingga 300kWj yang melibatkan 4.56 juta pengguna atau 70.67% daripada pengguna domestik tidak mengalami sebarang kenaikan tarif elektrik;
- ii. penggunaan elektrik antara 301kWj sehingga 400kWj sebulan yang melibatkan 1.31 juta pengguna atau 20.30% daripada pengguna domestik akan mengalami kenaikan bil elektrik bulanan di antara dalam lingkungan RM0.12 sehingga RM11.60;
- iii. penggunaan elektrik antara 401kWj sehingga 600kWj sebulan yang melibatkan 0.67 juta pengguna atau 10.44% daripada pengguna domestik akan mengalami kenaikan bil elektrik bulanan dalam RM11.71 sehingga RM33.00;
- iv. penggunaan elektrik antara 601kWj sehingga 800kWj sebulan yang melibatkan 0.26 juta pengguna atau 4.03% daripada pengguna domestik akan mengalami kenaikan bil elektrik bulanan sekitar RM33.12 sehingga RM55.90;
- v. penggunaan elektrik antara 801kWj sehingga 1000kWj sebulan yang melibatkan 0.11 juta pengguna atau 1.75% daripada pengguna domestik akan mengalami kenaikan bil elektrik bulanan di antara RM55.99 sehingga RM76.90; dan
- vi. penggunaan elektrik yang melebi-

hi 1000kWj sebulan yang melibatkan 0.132 juta pengguna atau 2.01% daripada pengguna domestik akan mengalami kenaikan bil bulanan dalam lingkungan RM77.02 ke atas.

Apakah langkah-langkah yang diambil oleh Kerajaan bagi mengurangkan kesan kenaikan tarif elektrik kepada pengguna terutamanya golongan rakyat yang berpendapatan rendah?

Kerajaan akan terus mengamalkan sikap prihatin terhadap pengguna terutamanya golongan berpendapatan rendah dengan mengekalkan Jaluran Penggunaan Asas (Lifeline Band) pada 200kWj sebulan. Kira-kira 3.25 juta pengguna akan terus menikmati kadar tarif yang rendah daripada kos sebenar membekalkan elektrik, iaitu pada kadar 21.8 sen/kWj. Ini bermakna, kenaikan tarif ini tidak akan membebankan pengguna di bawah kategori lifeline band kerana kadar yang ditetapkan bagi kumpulan pengguna ini dikekalkan bagi tahap penggunaan tidak melebihi 200kWj sebulan.

Begini juga dengan 1.31 juta pengguna domestik yang menggunakan elektrik pada kadar 201 sehingga 300kWj sebulan, mereka juga tidak akan menikmati sebarang kenaikan tarif.

Pemberian pengecualian daripada membayar bil elektrik bulanan kepada pengguna Domestik/Kediaman yang menggunakan elektrik RM20 dan ke bawah juga akan dikekalkan sehingga Disember 2014. Langkah ini akan melibatkan Kerajaan menanggung perbelanjaan yang dianggarkan sebanyak RM126 juta setahun dan dijangkakan

seramai 960,000 pengguna di Semenanjung akan menikmati rebat ini setiap bulan.

Apakah langkah-langkah yang boleh diambil untuk mengurangkan bebanan rakyat dalam menghadapi penyelarasan tarif elektrik?

Pengguna-pengguna disarankan supaya menggunakan elektrik dengan lebih cekap dan berhemah. Contohnya, pengguna boleh menggunakan lampu yang cekap tenaga untuk menjimatkan elektrik dan mematikan suis serta menanggalkan plag peralatan elektrik yang tidak digunakan. Bagi rumah-rumah yang berhawa dingin pula, penjimatan boleh dibuat dengan menyelaraskan termostat pada suhu 24 derajat Celcius.

Dari segi pembelian peralatan elektrik, orang ramai digalakkan supaya mengambil kira jumlah keseluruhan kos terlibat iaitu kos pembelian dan penggunaan bulanan. Bagi peralatan elektrik yang cekap walaupun harganya lebih mahal, ia lebih menjimatkan kerana hayat penggunaannya yang lebih lama dan penjimatkan penggunaan elektrik melebihi kos pembeliannya. Langkah-langkah mudah seperti ini bukan sahaja dapat mengurangkan bil elektrik pengguna malah dapat membantu Kerajaan menangguhkan pembinaan loji-loji jana kuasa baru yang sudah tentu akan menelan perbelanjaan yang besar.



Headline	Tarif baru elektrik tidak bebankan pengguna		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	08 Dec 2013	Color	Full Color
Section	Mahkamah	Circulation	160,000
Page No	8	Readership	509,000
Language	Malay	ArticleSize	681 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 8,656
Frequency	Daily	PR Value	RM 25,967



■ Ybhg Dato' Haji Badaruddin Mahyudin, Timbalan Ketua Setiausaha (Tenaga), Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air